

### Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum mengambil ubat,

- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada alergi kepada sebarang ubat.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda sedang ambil, terutamnya ubat untuk kemurungan, sawan, selesema, pengeduran otot, sedatif, ubat tidur dan ubat penenang.
- Beritahu doktor anda jika anda mempunyai sebarang penyakit terutamanya asma atau penyakit paru-paru, sukar membuang air kencing, sawan, tekanan darah tinggi dan penyakit jantung atau hati.
- Beritahu doktor anda jika anda hamil, merancang untuk hamil, atau sedang menyusu anak.
- Elakkan alkohol semasa mengambil ubat.
- Ubat ini mungkin menyebabkan sesetengah orang mengantuk atau kurang berjaga daripada keadaan biasa. Pastikan anda tahu bagaimana badan anda bertindak terhadap ubat yang anda sedang ambil sebelum memandu, mengendalikan mesin atau membuat apa-apa yang mungkin membahayakan jika anda mengantuk.

### Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat ini?

Simpan dalam bekas yang kedap udara. Simpan jauh daripada haba dan cahaya matahari secara langsung.



Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

# Risalah Maklumat Untuk Pesakit

# Ubat Untuk Merawat Batuk 'Kering' Medicine To Treat 'Dry' Coughs

Diphenhydramine • Dextromethorphan • Clobutinol  
Promethazine dan Codeine • Pholcodine • Tripolidine

## MENGENAI ubat anda

Promethazine dan Tripolidine merupakan antihistamin yang mengeringkan rembesan dan mengurangkan kekerapan batuk. Mereka mengurangkan penghasilan kahak dan mengembangkan laluan udara brokus dalam paru-paru. Contoh-contoh produk yang mengandungi antihistamin di atas termasuk Actifed, Procodin dan Dhasedyl.

Codeine, pholcodine, dextromethorphan dan clobutinol digunakan untuk melegakan dan mengurangkan kekerapan batuk. Actifed DM, Duro-Tuss, Procodin, Dhasedyl, Tussils dan Silomat merupakan antara beberapa contoh produk yang mengandungi anti-pencegah batuk ini.

## BAGAIMANA cara saya mengambil ubat ini?

Anda patut mengambil ubat seperti yang diberikan oleh doktor anda. Minta nasihat dari ahli farmasi anda jika anda tidak pasti cara yang betul untuk mengambil ubat anda.

Minum air berlebihan semasa ambil ubat ini kecuali jika doktor telah menghadkan pengambilan air anda.

Jika simptom anda tidak bertambah baik dalam masa 7 hari atau anda mempunyai demam tinggi, ruam atau sakit kepala yang berterusan, sila minta nasihat doktor anda.

## Apakah yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda lupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah sampai masa untuk dos

yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang lupa diambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

## Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

Walaupun kesan-kesan sampingan adalah jarang, ini masih boleh berlaku. Beritahu doktor anda jika salah satu daripada kesan sampingan menjadi teruk dan berlarutan.

Ubat	Kesan-kesan Sampingan
Promethazine Tripolidine	Kekeringan mulut, hidung dan kerongkong Mengantuk Sakit perut Sakit kepala Kabur penglihatan Sukar buang air kencing
Dextromethorphan Pholcodine Codeine Clobutinol	Pening Mengantuk Mual dan muntah Sakit perut Sembelit

Minta nasihat doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan luar biasa apabila mengambil ubat anda.